

**Memahami
Pelan
CPF LIFE Anda**



Buku Maklumat CPF LIFE

Penyertaan anda dalam CPF LIFE akan memberikan anda pembayaran bulanan untuk sepanjang hayat anda. Sila baca buku ini dengan teliti kerana ia akan membantu anda lebih memahami pelan CPF LIFE anda. Topik-topik utama disenaraikan di bawah tajuk berikut.:

1. Pengenalan

- 1.1 Apa itu CPF LIFE?
- 1.2 Kenapa saya harus menyertai CPF LIFE?
- 1.3 4 pelan CPF LIFE

2. Menyertai CPF LIFE

2.1 Apabila saya menyertai CPF LIFE

- 2.1.1 Apakah yang terjadi apabila saya menyertainya?
- 2.1.2 Adakah simpanan saya yang telah digunakan untuk CPF LIFE masih terus memperolehi faedah?
- 2.1.3 Bolehkah saya menukar pelan saya selepas penyertaan saya?
- 2.1.4 Adakah saya masih boleh mencagarkan harta benda saya?

2.2 Apabila saya mencapai Umur Pengeluaran (DDA) saya

- 2.2.1 Apa yang terjadi 1-2 bulan sebelum DDA saya?

2.3 Apabila saya melebihi DDA saya

- 2.3.1 Apakah yang terjadi jika saya menerima wang-wang tambahan ke dalam Akaun Persaraan (RA) saya selepas DDA saya?

3. Manfaat dari CPF LIFE

3.1 CPF LIFE Bonus (L-Bonus)

- 3.1.1 Berapakah jumlah L-Bonus yang boleh saya terima?
- 3.1.2 Bagaimana saya boleh menerima L-Bonus yang penuh?

3.2 Pembayaran CPF LIFE

- 3.2.1 Bilakah saya akan mula menerima pembayaran bulanan saya?
- 3.2.2 Bagaimanakah saya akan menerima pembayaran bulanan saya?
- 3.2.3 Adakah pembayaran bulanan ini tetap?
- 3.2.4 Adakah pembayaran bulanan dilindungi daripada pemiutang?
- 3.2.5 Bagaimanakah saya boleh mendapat pembayaran yang lebih tinggi?
- 3.2.6 Bilakah pembayaran bulanan ini akan berhenti?

4. Meninggalkan CPF LIFE

4.1 Apabila saya meninggal dunia

- 4.1.1 Apakah yang berlaku selepas kematian?
- 4.1.2 Apa itu warisan?

4.2 Penarikan diri dari CPF LIFE

- 4.2.1 Bolehkah saya menarik diri selepas penyertaan saya?

5. Soalan-soalan lain yang anda mungkin ada

- 5.1 Bolehkah saya membantu ahli keluarga saya untuk menyertai CPF LIFE?
- 5.2 Terdapatkah jumlah maksimum yang boleh saya komitkan pada CPF LIFE?

Lampiran Makna istilah-istilah yang digunakan dalam CPF LIFE

PENGENALAN

Menjadikan simpanan bertahan untuk sepanjang hayat telah dikemukakan buat pertama kalinya oleh Perdana Menteri Lee Hsien Loong di dalam Ucapan Perhimpunan Hari Kemerdekaan pada tahun 2007. Ini menandakan bermulanya CPF LIFE.

Dengan jangka hayat yang semakin meningkat, 1 dalam 5 warga Singapura dijangka akan berumur 65 ke atas pada tahun 2030. Setengah dari golongan ini, dianggarkan untuk hidup melebihi 85 tahun. Oleh itu, pendapatan sepanjang hayat sangat penting untuk membantu anda memenuhi keperluan asas untuk persaraan.

Skim Jumlah Minimum (MSS) yang ada sekarang memberikan para ahli CPF pendapatan bulanan di waktu persaraan. Walau bagaimanapun, ia hanya dapat bertahan untuk kira-kira 20 tahun. Selain itu, CPF LIFE memastikan bahawa anda menerima pendapatan bulanan untuk sepanjang hayat anda.

1.1 Apa itu CPF LIFE?

Skim Pendapatan Sepanjang Hayat CPF Bagi Warga Tua (CPF LIFE) ialah satu skim yang akan memberikan anda pembayaran bulanan bermula dari Umur Pengeluaran (DDA) anda, untuk sepanjang hayat anda.

1.2 Kenapa saya harus menyertai CPF LIFE?

CPF LIFE akan memberikan anda pembayaran bulanan mulai dari DDA anda, untuk sepanjang hayat. Ia mempertingkatkan MSS yang ada sekarang di mana pembayaran hanya bertahan untuk kira-kira 20 tahun.

1.3 4 PELAN CPF LIFE

Terdapat 4 pelan di bawah CPF LIFE, dimana 3 daripadanya adalah pelan yang memberikan bayaran balik. Setiap pelan LIFE menyediakan kombinasi berlainan bagi keseimbangan di antara pembayaran bulanan dan warisan.

Lihat jadual di bawah:

| Pelan dengan Bayaran Balik | Pembayaran Bulanan | Warisan¹ |
|-----------------------------------|---------------------------|----------------------------|
| Pelan Tambahan LIFE | Tinggi | Rendah |
| Pelan Seimbang LIFE | Sederhana | Sederhana |
| Pelan Asas LIFE | Rendah | Tinggi |

| Pelan CPF LIFE Tanpa Bayaran Balik | Pembayaran Bulanan | Warisan |
|---|---------------------------|------------------------------|
| Pelan Pendapatan LIFE | Paling Tinggi | Tiada Pewarisan ² |

¹ Tidak terdapat warisan jika seorang ahli meninggal dunia selepas simpanan yang digunakan untuk menyertai CPF LIFE telah dibayar sepenuhnya melalui pembayaran bulanan.

² Tiada warisan bermaksud bahawa pelan ini **tidak** memberikan bayaran balik walaupun seorang ahli meninggal dunia sebelum sebarang pembayaran dibuat.

MENYERTAI CPF LIFE

Pelan CPF LIFE mengandungi dua bahagian – simpanan Akaun Persaraan (RA) anda dan satu anuiti. Pembayaran akan bermula pada DDA³ anda.

2.1 APABILA SAYA MENYERTAI CPF LIFE

2.1.1 Apakah yang terjadi apabila saya menyertainya?

Apabila anda menyertai CPF LIFE, kesemua simpanan di dalam RA⁴ anda akan digunakan untuk menyertai skim ini. Sebahagian atau kesemua simpanan RA akan digunakan untuk membayar satu premium untuk anuiti (yang dipanggil premium anuiti) sementara baki yang lain akan ditinggalkan di dalam RA anda.

Tidak kira apa pelan LIFE anda, jumlah yang tinggal di dalam RA anda dan anuiti akan memberikan anda pembayaran bulanan sepanjang hayat bermula dari DDA anda.

³ Jika anda menyertai selepas DDA, pembayaran akan bermula pada bulan berikutnya.

⁴ Jika anda telah membuat cagaran harta benda anda sebagai pengganti untuk Jumlah Minimum anda, jumlah yang dicagangkan tidak boleh digunakan untuk menyertai CPF LIFE.

Lihat jadual di bawah:

| Bilakah mulanya pembayaran bulanan: | Pelan dengan Bayaran Balik | | | Pelan Tanpa Bayaran Balik |
|-------------------------------------|-----------------------------|--|--|-----------------------------|
| | Pelan Tambahan Life | Pelan Seimbang LIFE | Pelan Asas Life | Pelan Pendapatan LIFE |
| (1) Simpanan RA yang tinggal | Tidak berkenaan | Dari DDA sehingga satu bulan sebelum anda mencapai umur 80 tahun | Dari DDA sehingga satu bulan sebelum anda mencapai umur 90 tahun | Tidak berkenaan |
| (2) Anuiti | Dari DDA untuk seumur hidup | Dari umur 80 tahun untuk seumur hidup | Dari umur 90 tahun untuk seumur hidup | Dari DDA untuk seumur hidup |

Pembayaran akan dibuat terlebih dahulu dari jumlah yang tinggal di dalam RA anda dan kemudian dari anuiti anda. Pembayaran bulanan dari RA anda dan dari anuiti adalah hampir sama⁵.

Untuk memastikan yang pembayaran bulanan dari RA anda dan anuiti adalah hampir sama, Lembaga CPF akan menghitung premium anuiti yang perlu dipotong dari RA anda berdasarkan pelan LIFE yang telah anda pilih. Jantina dan umur anda apabila anda menyertai skim ini akan mempengaruhi premium anuiti. Anda akan dimaklumkan tentang jumlah sebenar premium anuiti yang dipotong dari RA anda apabila pelan LIFE anda diterbitkan.


Alat Anggaran Bayaran CPF LIFE di www.cpf.gov.sg boleh membantu anda untuk mendapatkan anggaran premium anuiti yang anda perlu ketepikan untuk setiap pelan LIFE.

⁵ Mungkin terdapat pengecualian seperti jika anda membuat cagaran harta benda dan mengeluarkan sebahagian dari simpanan RA anda. Lihat bahagian tentang "Bolehkan saya membuat cagaran harta benda?" di bawah.


Contoh: Jika anda seorang lelaki berumur 55 tahun yang memilih Pelan Tambahan LIFE, 100% dari simpanan RA anda akan dikurangkan untuk membeli anuiti. Jumlah anggaran⁶ untuk setiap pelan LIFE ditunjukkan di bawah:

| | Pelan dengan Bayaran Balik | | | Pelan Tanpa Bayaran Balik |
|---------------------------------|----------------------------|---------------------|-----------------|---------------------------|
| | Pelan Tambahan Life | Pelan Seimbang LIFE | Pelan Asas Life | Pelan Pendapatan LIFE |
| Simpanan RA yang tinggal | 0% | 70% | 90% | 0% |
| Premium Anuiti | 100% | 30% | 10% | 100% |

Ini ditunjukkan dalam gambar di bawah:



⁶ Lembaga CPF akan memaklumkan anda tentang premium yang tepat selepas polisi CPF LIFE anda diterbitkan.



2.1.2 Adakah simpanan saya yang telah digunakan untuk CPF LIFE masih terus memperoleh faedah?

Ya. Faedah yang diperolehi dari simpanan RA anda masih akan terus dibayar ke dalam RA. Faedah yang diperolehi dari premium anuiti akan dibayar ke dalam Tabung Pendapatan Sepanjang Hayat. Ia akan dikumpulkan bersama faedah yang diperolehi dari premium anuiti yang dibayar oleh peserta CPF LIFE yang lain, untuk memberikan pembayaran sepanjang hayat di bawah skim ini.

Selain itu, anda akan memperoleh faedah tambahan sebanyak 1% pada \$60,000 pertama gabungan baki-baki CPF⁷ anda (termasuk premium anuiti tolak pembayaran anuiti) yang telah dipotong dari RA anda. Faedah tambahan ini akan dibayar ke dalam Akaun Persaraan⁸ anda.

2.1.3 Bolehkah saya menukar pelan saya selepas penyertaan saya?

Tidak. Sebagai seorang peserta CPF LIFE, menukar pelan anda akan menjejaskan ahli-ahli lain yang sudah berada di dalam skim ini.

⁷ Sehingga \$20,000 dari Akaun Biasa anda.

⁸ Kecuali jika ia diperolehi dari baki Medisave, di mana ia akan dimasukkan ke dalam Akaun Medisave.

2.1.4 Adakah saya masih boleh mencagarkan harta benda saya?

Peraturan CPF yang ada sekarang membenarkan anda membuat cagaran harta benda dan mengeluarkan sebahagian dari simpanan RA anda. Jika anda telah memilih Pelan Seimbang LIFE atau Pelan Asas LIFE, anda mungkin mempunyai simpanan RA yang mencukupi untuk membuat cagaran harta tanah dan mengeluarkan sebahagian dari simpanan RA anda. Pembayaran bulanan dari RA anda akan dikurangkan⁹ dan RA anda mungkin dihabiskan sebelum umur permulaan pembayaran anuiti.

Jika anda berada dalam Pelan Tambahan LIFE atau Pelan Pendapatan LIFE, kesemua simpanan RA anda akan digunakan untuk premium anuiti. Oleh yang demikian, anda tidak akan dapat mengeluarkan sebarang simpanan RA, walaupun anda membuat cagaran harta benda.

⁹ Walau bagaimanapun, pembayaran bulanan dari anuiti anda, yang bermula dari umur permulaan pembayaran anuiti, tidak akan terjejas.

2.2 APABILA SAYA MENCAPI UMUR PENGELUARAN SAYA (DDA)¹⁰

2.2.1 Apa yang terjadi 1-2 bulan sebelum DDA saya?

Dari ketika anda menyertai CPF LIFE sehingga anda mencapai DDA anda, akaun RA anda akan dimasukkan dengan faedah tambahan sebanyak 1% dari faedah yang didapati dari \$60,000 pertama baki-baki gabungan CPF anda¹¹ (termasuk premium anuiti tolak bayaran anuiti). Wang-wang tambahan mungkin juga dimasukkan ke dalam RA anda yang berasal dari tokokan atau pembayaran balik yang disebabkan oleh penjualan harta benda anda.

Kira-kira 1-2 bulan sebelum DDA anda, Lembaga CPF akan memotong satu lagi premium anuiti dari wang-wang tambahan untuk Pelan LIFE pilihan anda.¹²

Ini akan dilakukan secara automatik, dan anda akan diberitahu tentang pembayaran bulanan yang tepat, yang anda akan terima dari DDA anda.

¹⁰ Bahagian ini hanya berkenan jika anda menyertai skim ini sebelum DDA anda.

¹¹ Sehingga \$20,000 akan berasal dari Akaun Biasa (OA) anda.

¹² Wang-wang tambahan akan dibahagikan kepada bahagian yang serupa sepertimana simpanan RA asal anda telah dibahagikan. Jumlah ini akan mengandungi pendapatan baru kedalam RA anda sebelum DDA.

2.3 APABILA SAYA MELEBIHI DDA SAYA

2.3.1 Apakah yang terjadi jika saya menerima wang-wang tambahan ke dalam Akaun Persaraan (RA) saya selepas DDA saya?

Jika anda menerima wang-wang tambahan kedalam RA anda selepas DDA anda (contoh. dari tokokan atau bayaran balik harta benda), ia akan dibayar sebagai sebahagian dari pembayaran bulanan RA anda. Ini mungkin menyebabkan wujudnya perbezaan di antara pembayaran bulanan dari RA anda dan yang dari anuiti anda.

Jika anda ingin membeli satu lagi anuiti supaya pembayaran bulanan RA dan anuiti adalah hampir sama, sila memaklumkan Lembaga CPF. Anda boleh melakukannya dengan memuat turun Borang LID-APP (1A) – "Permohonan untuk Anuiti Tambahan di bawah CPF LIFE" di www.cpf.gov.sg dan hantarkan borang yang telah diisi, kepada kami.

MANFAAT DARI CPF LIFE

3.1 CPF LIFE BONUS (L-BONUS)

3.1.1 Berapakah jumlah L-Bonus yang boleh saya terima?

Anda boleh menerima L-Bonus di antara \$2,200 dan \$4,000 apabila anda menyertai CPF LIFE dengan sekurang-kurangnya \$20,000 di dalam RA anda. Jumlah L-Bonus berdasarkan kepada pendapatan taksiran tahunan (AI)¹³ anda dan nilai tahunan (AV)¹⁴ rumah anda pada tahun sebelum pelan CPF LIFE anda diterbitkan.

Jika anda mempunyai sekurang-kurangnya \$20,000 di dalam RA anda, jumlah yang anda boleh terima adalah ditunjukkan di dalam jadual¹⁵ di bawah:

| AV Harta Benda | \$7,000 atau kurang | Lebih dari \$7,000 sehingga \$13,000 |
|--|----------------------------|---|
| AI | | |
| \$27,000 ke bawah | \$4,000 | \$3,200 |
| Lebih dari \$27,000 sehingga \$60,000 | \$3,200 | \$2,200 |

Jika anda mempunyai kurang dari \$20,000 di dalam RA anda, anda akan menerima L-Bonus yang diproratakan apabila menyertai skim ini.

Contoh: Jika anda menyertai CPF LIFE dalam tahun 2012 dengan baki RA sebanyak \$10,000, AV ialah \$7,000 atau kurang dan AI ialah \$27,000 atau kurang, L-Bonus anda ialah \$2,000.

¹³ AI anda adalah berdasarkan Tahun Taksiran (YA) pada tahun sebelum pelan CPF LIFE anda diterbitkan. (Contoh: Jika pelan CPF LIFE anda diterbitkan pada tahun 2012, maka AI anda untuk YA 2011 akan digunakan, iaitu pendapatan anda bagi tahun 2010.)

¹⁴ AV yang akan menentukan kelayakkan anda untuk menerima L-Bonus berdasarkan pada alamat NRIC anda seperti pada 31 Disember tahun sebelum pelan CPF LIFE anda diterbitkan. (Contoh : Jika pelan CPF LIFE anda diterbitkan pada tahun 2012, AV harta benda anda pada tahun 2011 yang tertera dalam NRIC anda pada tarikh 31 Disember 2011 akan digunakan.)

¹⁵ Seandainya pelan CPF LIFE anda diterbitkan pada tahun 2012. Sila rujuk kepada www.cpf.gov.sg untuk kriteria AV/AI yang terkini bagi tahun-tahun berikutnya.

3.1.2 Bagaimana saya boleh menerima L-Bonus yang penuh?

Untuk menerima L-Bonus yang penuh, anda boleh membuat tokokan ke RA anda dan memasukkan jumlah ini ke dalam CPF LIFE anda sebelum anda berusia 56 tahun.

Jika anda menyertai CPF LIFE dengan kurang dari \$20,000, anda akan menerima L-Bonus yang diproratakan.

L-Bonus tambahan yang akan anda terima berdasarkan nilai tahunan (AV) kediaman anda dan pendapatan taksiran tahunan (AI) bila pelan CPF LIFE anda diterbitkan. Ini bergantung kepada L-Bonus penuh yang anda layak terima berdasarkan kepada kriteria AV/AI yang ada pada masa itu.

Untuk maklumat lanjut mengenai L-Bonus, sila rujuk kepada www.cpf.gov.sg.

3.2 PEMBAYARAN CPF LIFE

3.2.1 Bilakah saya akan mula menerima pembayaran bulanan saya?

Pembayaran bulanan akan bermula dari DDA anda. Anda akan menerima pembayaran bulanan dari RA anda dan/atau anuiti anda, bergantung kepada pelan LIFE yang telah anda pilih.

Faedah tambahan sebanyak 1% yang dikreditkan ke dalam RA anda selepas DDA anda akan dibayar kepada anda sebagai sebahagian dari pembayaran bulanan CPF LIFE anda selagi ia masih mengaut pendapatan. Pembayaran daripada faedah tambahan sebanyak 1% akan berkurangan dengan peredaran masa apabila baki-baki gabungan CPF anda (termasuk premium anuiti tolak pembayaran anuiti) jatuh di bawah \$60,000.

3.2.2 Bagaimanakah saya akan menerima pembayaran bulanan saya?

Pembayaran bulanan akan dikreditkan ke dalam akaun bank anda melalui GIRO antara bank (IBG) setiap bulan, pada hari kerja yang ke tujuh. Jika IBG gagal atau anda tidak menyediakan butiran akaun bank, pembayaran akan dikreditkan ke dalam Akaun Biasa CPF. Anda boleh mengeluarkan pembayaran itu di bawah peraturan pengeluaran CPF yang sedia ada.

3.2.3 Adakah pembayaran bulanan ini tetap?

Tidak, pembayaran bulanan mungkin diselaraskan secara tahunan untuk mengambil kira faktor-faktor seperti kadar faedah CPF dan jumlah kematian. Penyesuaian biasanya kecil supaya pembayaran stabil.

3.2.4 Adakah pembayaran bulanan dilindungi daripada pemiutang?

Ya.

3.2.5 Bagaimanakah saya boleh mendapat pembayaran yang lebih tinggi?

Jika anda ingin mendapat pembayaran yang lebih tinggi pada waktu persaraan anda, anda boleh membuat tokokan tunai dan/atau tokokan CPF ke dalam RA¹⁶ anda dan jumlah tambahan itu boleh dikomitkan ke CPF LIFE.

Sila rujuk kepada www.cpf.gov.sg untuk maklumat lanjut dan untuk menokok RA anda.

3.2.6 Bilakah pembayaran bulanan ini akan berhenti?

Pembayaran bulanan dari CPF LIFE akan dibayar sepanjang hayat anda. Ia berhenti pada saat kematian.

Oleh yang demikian, Lembaga CPF mungkin meminta supaya anda memberikan bukti yang anda masih hidup dari masa ke semasa. Jika anda tidak berbuat demikian di dalam tempoh masa yang diberikan, pembayaran bulanan akan dihentikan. Pembayaran akan diteruskan setelah bukti yang anda masih hidup dipersembahkan.

¹⁶ Mengikut syarat dan peraturan yang tertentu.

MENINGGALKAN CPF LIFE

4.1 APABILA SAYA MENINGGAL DUNIA

4.1.1 Apakah yang berlaku selepas kematian?

Pembayaran CPF LIFE akan berhenti berhenti pada saat kematian.

Jika anda berada dalam salah satu daripada 3 pelan LIFE, iaitu Pelan Tambahan LIFE, Seimbang LIFE dan Asas LIFE, ahli waris anda boleh menerima warisan.

Namun, jika anda berada dalam Pelan Pendapatan LIFE, ahli waris anda tidak akan menerima sebarang warisan.

4.1.2 Apa itu warisan?

Warisan ialah wang yang seorang peserta tinggalkan untuk ahli waris beliau setelah beliau meninggal dunia. Ia terdiri dari simpanan di dalam RA, jika ada, dan premium anuiti¹⁷ yang tidak digunakan selepas kematian.

Pelan **Tambahan LIFE**, **Seimbang LIFE** dan **Asas LIFE** menyediakan warisan. Di bawah mana-mana pelan ini, premium penuh akan dibayar balik kepada anda jika seorang peserta meninggal dunia sebelum sebarang pembayaran telah dibuat. Jika peserta itu meninggal dunia selepas pembayaran bulanan telah bermula, baki RA, jika ada, dan juga premium yang belum digunakan akan dikembalikan.

Sebarang pembayaran balik akan dibuat kepada akaun CPF beliau dan dibayar bersama dengan simpanan CPF beliau yang selebihnya kepada calon¹⁸ beliau. Jika tiada pencalonan CPF yang sah, simpanan ini akan dibayar kepada Pemegang Amanah Raya untuk pengagihan berdasarkan undang-undang kematian tanpa wasiat.

Jika seorang peserta telah memilih pelan CPF LIFE dengan ciri yang tiada bayaran balik, iaitu Pelan Pendapatan LIFE, maka tidak akan ada pewarisan selepas kematian walaupun pembayaran bulanan belum dimulakan.

¹⁷ Anuiti premium yang tidak digunakan, adalah anuiti premium yang telah dibayar tolak pembayaran bulanan dari anuiti yang anda telah diterima.

¹⁸ Tertakluk kepada peraturan CPF yang ada.

Pelan Pendapatan LIFE ialah satu-satunya pelan yang tidak memberikan sebarang bayaran balik premium anuiti.

Lihat jadual di bawah:

| | Pelan dengan Bayaran Balik | | | Pelan Tanpa Bayaran Balik |
|---|--|---------------------|-----------------|---------------------------|
| | Pelan Tambah an LIFE | Pelan Seimbang LIFE | Pelan Asas LIFE | Pelan Pendapatan LIFE |
| Bagaimanakah warisan dibandingkan di bawah pelan-pelan ini? | Rendah | Sederhana | Tinggi | Tiada warisan |
| Berapa banyakkah warisan yang akan saya tinggalkan untuk ahli waris saya apabila saya meninggal dunia? | Warisan = Baki di dalam RA anda, jika ada + premium anuiti yang belum digunakan. | | | |

Alat Anggaran Bayaran CPF LIFE di www.cpf.gov.sg boleh membantu anda untuk mengetahui anggaran warisan yang akan ditinggalkan untuk ahli waris anda pada usia terpilih.

4.2 PENARIKAN DIRI DARI CPF LIFE

4.2.1 Bolehkah saya menarik diri selepas penyertaan saya?

Tidak, kecuali atas sebab-sebab berikut:

- a) Sebab perubahan atau jangka hayat yang dipendekkan;
- b) Meninggalkan Singapura dan Semenanjung Malaysia buat selamanya tanpa niat untuk kembali semula ke salah satu negara tersebut.

Jika anda berada dalam salah satu dari 3 pelan CPF LIFE dengan ciri bayaran balik¹⁹, anda akan menerima bayaran balik²⁰ yang telah didiskaunkan dari simpanan yang telah digunakan untuk menyertai CPF LIFE tolak sebarang pembayaran bulanan yang telah diterima sebelum penarikan diri. Untuk maklumat lanjut tentang pembayaran balik yang telah didiskaunkan, sila emel kepada member@cpf.gov.sg

Namun, jika anda berada di dalam Pelan Pendapatan LIFE yang merupakan pelan tanpa bayaran balik, anda tidak akan menerima sebarang bayaran balik jika anda menarik diri dari skim tersebut.

¹⁹ Pelan dengan ciri bayaran balik adalah Pelan Tambahan LIFE, pelan Seimbang LIFE dan pelan Asas LIFE.

²⁰ Mungkin tiada bayaran balik jika simpanan yang telah digunakan untuk menyertai CPF LIFE telah dibayar sepenuhnya dalam pembayaran bulanan.

SOALAN-SOALAN LAIN YANG ANDA MUNGKIN ADA

5.1 Bolehkah saya membantu ahli keluarga saya untuk menyertai CPF LIFE?

Ya. Anda boleh menokok RA ahli keluarga dan juga sebaliknya. Ahli CPF boleh menikmati bantuan cukai jika tokokan dilakukan dengan wang tunai.

Sila rujuk kepada www.cpf.gov.sg untuk maklumat lanjut mengenai tokokan kepada RA dan kelayakan untuk bantuan cukai.

5.2 Terdapatkah jumlah maksimum yang boleh saya komitkan pada CPF LIFE?

Ya. Jumlah maksimum yang boleh anda komitkan kepada CPF LIFE adalah jumlah Minima (MS). Sila rujuk kepada laman CPF untuk maklumat lanjut tentang Jumlah Minima yang terkini.

Maklumat lanjut tentang CPF LIFE boleh didapatkan di www.cpf.gov.sg. Jika anda memerlukan klarifikasi yang lebih lanjut tentang CPF LIFE, sila hubungi lembaga ini melalui saluran yang tertera di akhir buku ini.

LAMPIRAN: MAKNA ISTILAH YANG DIGUNAKAN DALAM CPF LIFE

| | | | | | | |
|------------------------|---|----------------------|-------------|-------------|-------------|-----------------------|
| Warisan | Wang yang ditinggalkan kepada ahli waris setelah kematian. Ia mengandungi simpanan yang telah digunakan untuk menyertai CPF LIFE tolak pembayaran bulanan yang sudah diterima. | | | | | |
| Ahli Waris | Orang-orang yang telah dicalonkan untuk menerima simpanan CPF setelah kematian atau waris terdekat berdasarkan undang-undang kematian tanpa wasiat jika tiada pencalonan CPF. | | | | | |
| Umur Pengeluaran (DDA) | Umur di mana pembayaran bulanan dari Akaun Persaraan bermula. | | | | | |
| | Dilahirkan pada | 1943 atau lebih awal | 1944 - 1949 | 1950 – 1951 | 1952 – 1953 | 1954 atau lebih lewat |
| | DDA | 60 | 62 | 63 | 64 | 65 |
| Faedah Tambahan (EI) | \$60,000 pertama baki gabungan CPF seseorang (termasuk premium anuiti tolak pembayaran anuiti), dengan sehingga \$20,000 dari Akaun Biasa (OA) akan memperolehi faedah tambahan sebanyak 1%. Faedah tambahan yang diperolehi dimasukkan ke dalam Akaun Persaraan (kecuali yang diperolehi atas baki Medisave di mana ia akan dikreditkan ke dalam Akaun Medisave). | | | | | |
| Jumlah Minimum (MS) | Jumlah yang perlu diketepikan pada umur 55 tahun untuk keperluan persaraan di dalam Akaun Persaraan (RA). Ia boleh terdiri dari wang tunai, atau sebahagian tunai dan sebahagian cagaran harta benda, dengan cagaran harta benda merangkumi sehingga 50% dari MS. Hanya bahagian wang tunai daripada MS yang diketepikan didalam RA boleh digunakan untuk menyertai CPF LIFE. | | | | | |

| | |
|----------------------|---|
| Cagaran Harta Benda | Jumlah yang dipegang dari harta benda seseorang sebagai ganti untuk Jumlah Minima beliau. Sila rujuk kepada laman web Majlis ini untuk maklumat mengenai cagaran harta tanah. |
| Akaun Persaraan (RA) | Akaun simpanan individu yang ditubuhkan apabila seseorang mencapai umur 55 tahun untuk memenuhi keperluan pendapatan persaraan pada usia tua. |
| Jumlah Kematian | Kemungkinan kematian pada pelbagai peringkat umur. Jika lebih ramai orang hidup lebih lama, pembayaran bulanan mungkin menjadi lebih rendah, dan begitu juga sebaliknya. |

**Untuk maklumat lanjut, sila layari www.cpf.gov.sg
Emel: member@cpf.gov.sg
Hubungi Talian Penting CPF LIFE: 1800-227-1188 (tempatan)
65-6227-1188 (luar negeri)**

Nota:

Buku ini ialah untuk rujukan dan simpanan anda dan maklumat ini adalah betul seperti pada 1 Januari 2012. Skim CPF LIFE adalah tertakluk kepada peruntukan Akta Tabung Amanah Pekerja (Bab 36) dan undang-undang subsidiari yang dibuat di bawahnya dan sebarang pembetulannya, dan juga terma dan syarat yang mungkin dikenakan oleh Majlis ini dari semasa ke semasa.